

BAB 5

KESIMPULAN

Pengenalan

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pengajaran guru geografi di tiga buah sekolah. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengetahui perhubungan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran guru geografi dengan pembolehubah-pembolehubah pelajar seperti jantina, pencapaian geografi, minat terhadap geografi dan tingkatan pengajian. Ciri-ciri guru geografi yang paling tonjol di sekolah-sekolah kajian juga dikenal pasti.

Kajian ini melibatkan tiga buah sekolah, 180 orang pelajar tingkatan II dan tingkatan IV di daerah Kuantan. Data kajian dikumpulkan dengan cara survey. Instrumen yang mengandungi 26 item tentang ciri-ciri pengajaran geografi, dalam bentuk Likert, telah digunakan.

Prosedur statistik yang digunakan untuk analisis data termasuk statistik deskriptif, ujian-t, analisis varians satu hala dan multiple regression.

Dapatan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa

1. Adanya perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar lelaki dan perempuan terhadap guru geografi mereka.
2. Tiada perbezaan persepsi antara pelajar yang berminat terhadap geografi dan pelajar yang tidak berminat.
3. Adanya perbezaan yang signifikan antara persepsi pelajar tingkatan II dan pelajar tingkatan IV.
4. Perbezaan persepsi pelajar ada kaitan dengan pencapaian geografi mereka. Pelajar yang berpencapaian tinggi mendapati guru mereka lebih berkesan.
5. Pelajar dalam sekolah kajian berpendapat bahawa guru geografi di sekolah mereka adalah berkesan. Antara ketiga-tiga kategori ciri pengajaran yang dikaji, kategori kaedah penyampaian dan kemahiran pengurusan kelas merupakan peramal tunggal yang paling berkesan dalam menentukan varians persepsi pelajar terhadap guru mereka.

Lazimnya persepsi pelajar terhadap sesuatu perkara dipengaruhi oleh minat dan kegemaran peribadi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar di sekolah kajian walaupun muda

(berumur antara 14 hingga 16 tahun), tetapi persepsi mereka terhadap guru geografi tidak ada perhubungan rapat dengan minat mereka terhadap mata pelajaran itu.

Cadangan-cadangan

Sungguhpun usaha menggunakan persepsi pelajar dalam kajian tentang keberkesanan pengajaran guru merupakan satu perkara yang agak kontroversial. Akan tetapi, ia amat berguna sebagai kayu ukur kepuasan pelajar. Memandangkan hakikat bahawa bilangan pelajar yang ramai dalam sesuatu bilik darjah, dan mereka sentiasa mendampingi dan memerhati guru; menjadikan pelajar sasaran kajian yang unggul untuk kajian tentang keberkesanan pengajaran.

Persepsi pelajar merupakan satu penilaian "bottom-up" yang berguna kepada semua pihak. Demokrasi pendidikan seharusnya merangkumi hak pelajar untuk bersuara, memberi pandangan serta perasaan mereka. Semua pihak yang berminat untuk meningkatkan mutu pendidikan patut memberi perhatian pada hal ini.

Usia pelajar yang muda dan pemikiran mereka yang kurang matang mungkin menyebabkan mereka mudah bertukar pendirian atau berubah pandangan. Dengan itu, kajian survey boleh digabung dengan menemuduga pelajar. Gabungan kaedah kajian bukan sahaja memberi peluang untuk pelajar mengemukakan kemusyikan, malahan ia mengukuhkan lagi asas kajian.

Oleh kerana kajian ini melibatkan satu sampel yang kecil di satu kawasan sahaja, adalah tidak wajar dibuat kenyataan yang bersifat umum kepada semua sekolah menengah dengan dapatan kajian ini.

Dapatan kajian ini menyokong kepada dapatan kajian Siti Fatihah bahawa pelajar mendapati guru geografi di sekolah menengah adalah berkesan . Pelajar di sekolah menengah atas (di sekolah kajian) tidak memilih geografi sebagai mata pelajaran elektif mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain selain daripada faktor pengajaran guru. Tetapi kajian yang lebih meluas perlu dibuat sebelum sesuatu generalisasi umum boleh dibuat.